

## **Bab Pertama**

### **Pendahuluan**

Kedatangan penjajah ke Tanah Melayu, banyak memberi perubahan kepada kehidupan masyarakat setempat. Ia bukan sahaja memberi perubahan kepada struktur pentadbiran negara, malah turut mempengaruhi perjalanan ekonomi, sistem pendidikan dan sosio-budaya orang Melayu. Bermula dengan penjajahan Portugis kemudian diikuti oleh penjajahan Jepun dan British, masing-masing mempunyai agenda dalam menjaga kepentingan sendiri. Secara umumnya kedatangan mereka lebih bersifat menangguk di air keruh dan meragut hasil bumi Tanah Melayu yang kaya dengan sumber asli seperti bijih timah, besi dan emas.

Akibatnya orang-orang Melayu mula terpinggir di kawasan pedalaman. Menurut Yahaya Ismail (1978), kedatangan penjajahan Barat ke Tanah Melayu bukan bertujuan untuk memajukan bangsa Melayu malah sebaliknya mempunyai agenda tersendiri dalam menjaga kepentingan terhadap aktiviti perdagangan dan menguasai struktur pentadbiran negara.<sup>1</sup> Pelbagai bentuk penjajahan dibentuk. Penjajahan ekonomi, politik, pendidikan, kekangan beragama dan memperkenalkan sistem sekular.

Malah apa yang paling memberi kesan sehingga kini ialah budaya kuning yang membelenggu pemikiran masyarakat Islam khususnya masyarakat Melayu. Di mana kemiskinan dan kemunduran sering menjadi permasalahan orang Melayu. Manakala menurut Deepa Narayan (2000), kemiskinan tidak boleh dilihat dalam ruang skop yang sempit. Ini kerana kemiskinan bukan sahaja melibatkan kekurangan sumber-sumber kebendaan malah ia juga merangkumi sudut kemiskinan dalam menyatakan pendapat, hak dan kuasa serta sifat pergantungan.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Yahaya Ismail (1978), *Masalah Melayu Pulau Pinang*, Dinamika Kreatif, h. 3.

<sup>2</sup> Deepa Narayan, et.al., (2000), *Crying out for change: voices of the poor*, Oxford: Oxford University Press, h. 2.

Menurut Mohd. Radzi Othman dan O.K. Rahmat menyatakan banyak faktor yang mendorong umat Islam itu merosot ke lembah kehinaan. Menurutnya:

*”...umat Islam itu merosot ke lembah yang dalam. Ketidakikhlasan mengabdikan diri kepada Allah, memuja hidup dunia lebih daripada hidup akhirat, nafsu mempertahankan diri supaya kekal dalam kemewahan hidup meskipun daripada sumber yang haram, memfokuskan pandangan kepada kepentingan diri sendiri, hasrat untuk memenuhi kehendak nafsu walaupun dengan menderhakai Allah, mendahulukan kepentingan asabiah daripada kepentingan persaudaraan Islam, adalah beberapa perkara yang menyebabkan otak dan fikiran umat Islam menjadi beku dan jumud. Maka al-Quran dan al-Sunnah tidak dibahas lagi, hingga jadilah kekuatan yang terkandung di dalam ajaran dua sumber suci itu tidak lagi merupakan motor penggerak untuk menuju kemajuan dunia dan akhirat. Hingga jadilah umat yang dahulu cerdik dan pintar berubah menjadi umat yang bodoh dan tolol. Mereka asyik bertengkar tentang andaian kepada soal-soal yang kecil, sedangkan gajah raksasa sedang berdiri di depan mata sedang hendak menghancurkan dan memijak-mijak mereka hingga hancur luluh.”<sup>3</sup>*

Suatu perkara yang tidak dapat dinafikan juga sehingga hari ini, masyarakat Islam telah hilang sumber kekuatan, hilang sifat-sifat ketinggian, menjadi mangsa keganasan dan kemuliaan diri dicabul oleh kuasa-kuasa besar. Masyarakat Islam juga didapati menjadi suatu ummah yang lalai dalam urusan agama, lalai dalam urusan dunia dan lalai kepada kewajipan diri sendiri. Mereka dilanda wabak perpecahan, kelemahan, kehinaan, kemiskinan dan kapapaan.

Menurut Azmah Abdul Manaf (2005),<sup>4</sup> kehidupan masyarakat Melayu seluruhnya berpusat sendi kepada ajaran Islam yang sebenr. Namun biarpun begitu, pengaruh kepercayaan animisme dan agama Hindu-Buddha yang dipegang oleh orang Melayu sebelum Islam masih tebal di kalangan masyarakat Melayu Islam. Amalan bidaah dan khurafat yang kadang-kadang melahirkan pelbagai jenis ajaran sesat, mempunyai hubungkait yang amat erat dengan kepercayaan primitif yang sekian lama

---

<sup>3</sup> Mohd Rodzi Othman & O.K. Rahmant (1996), *Gerakan Pembaharuan Islam : Satu Kajian Di Negeri Perlis Dan Hubung Kaitnya Dengan Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 1 & 2.

<sup>4</sup> Azmah Abdul Manaf (2005), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h 103.

berakar umbi dalam masyarakat Melayu.<sup>5</sup> Bahkan setelah berlakunya proses sinkretisme antara agama dan kepercayaan itu dengan Islam, unsur-unsur khurafat dan bidaah masih lagi berleluasa yang menjadi penyebab kepada kejumudan dan kebekuan masyarakatnya.

## **1.2 Kesedaran Di Kalangan Ulama Dan Pemikiran Tentang Kemunduran Masyarakat Melayu.**

Keadaan ini telah menimbulkan kesedaran masyarakat Melayu agar bangkit memperjuangkan nasib bangsa mereka sendiri dan berjuang demi agama Islam. Mereka bangkit sebagai golongan mujahid yang cuba untuk menangkis dan menyanggah serangan-serangan dan kritikan musuh terhadap dunia Islam kini. Dasar-dasar Inggeris yang diamalkan sekian lama mula dipersoalkan. Orang-orang Melayu mula mengambil tempat di dalam struktur pentadbiran negara dan pembangunan ekonomi. Kesan dari peminggiran masyarakat Melayu di dalam aspek pendidikan dan ekonomi moden, para pemikir Melayu moden mula mengorak langkah memodenkan pendidikan, pemikiran dan kehidupan orang Melayu supaya mereka menyedari bahawa setiap individu itu diberi pilihan untuk memajukan diri sendiri dan juga masyarakatnya. Ini jelas digambarkan dalam petikan di bawah.

*“...beberapa orang tokoh Melayu sejak awal abad ke-20 mula memikirkan tentang kemiskinan orang Melayu berbanding dengan bangsa lain, dan menyoal dasar Inggeris yang kurang memberi peluang bagi orang Melayu mengambil bahagian dalam ekonomi dan pendidikan moden. Perbezaan dan defisit yang bermula akibat daripada kekurangan peluang orang Melayu dalam aktiviti ekonomi dan pendidikan Inggeris di ‘sektor’ pada zaman pemerintahan Inggeris ini, berterusan kesannya hingga sekarang”.<sup>6</sup> Dengan terpinggirnya orang Melayu daripada menerima pendidikan di sekolah Inggeris terbelenggulah masyarakat agrarian Melayu (masyarakat petani) di kampung dengan pendidikan yang terhad dan sempit, pandangan hidup yang sempit, keupayaan berfikir yang*

---

<sup>5</sup> Prof Madya Dr. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad (2010), “Pengaruh Gerakan Timur Tengah (Hijaz Dan Mesir) Kepada Gerakan Islah Di Tanah Melayu Sehingga 1957”, (*Simposium Peranan Penulisan Dan Kewartawanan Dalam Pemikiran Islah Di Kalangan Orang Melayu (1900-1940)*), (SIPKOM), di Tronoh Perak anjuran Universiti Teknologi Petronas pada 29 Jun 2101, h. 6.

<sup>6</sup> Isahak Haron (2002), “Pandangan Orang Melayu Dan Reform Dalam Pendidikan”, *Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu I*, Hotel Renaissance, Kuala Lumpur pada 1-3 Oktober 2002, h. 3.

*terhad dan sukar mencebur dan bersaing dalam sektor moden. Defisit pendidikan orang Melayu juga, berbanding kaum lain merupakan permulaan defisit pendidikan dan ekonomi orang Melayu yang kesannya dirasai hingga ke hari ini. Pemikiran dan usaha untuk mengecilkan jurang ini menjadi perkara utama di kalangan pemikir Melayu moden. Pemikir Melayu sejak pada zaman Inggeris lagi mula merenung hal ini, mencadangkan langkah-langkah untuk 'memodenkan' pendidikan, pemikiran dan kehidupan orang Melayu, supaya mereka dibangunkan, dikeluarkan dari kemiskinan dalam ekonomi 'cukup makan'. Apakah jenis pendidikan yang harus anak-anak Melayu perolehi untuk memodenkan sosio-budaya Melayu? Perdebatan hal ini berterusan hingga ke hari ini".<sup>7</sup>*

Menyedari hakikat tentang kelemahan diri dan kesedaran akibat dari pengaruh Barat, suatu jalan penyelesaian perlu diambil dalam menghadapi persoalan "*bagaimana caranya umat Islam harus memperkuat diri?, sejauhmanakah Islam harus dipertahankan dan sejauh mana pula pembaratan harus diterima?*". Umat Islam dihadapkan kepada persoalan ini di saat mereka telah dilumpuhkan oleh kekuatan Barat. Suasana ini tentu akan mempengaruhi perhitungan umat Islam dalam membuat penentuan sama ada menyerah sahaja kepada arus Barat terus dengan Islam yang bererti bersedia menyongsong arus.<sup>8</sup>

Namun begitu menurut Siddiq Fadil (1977), umat Islam kini perlu menempuh satu tahap yang "kritikal" dalam sejarah perkembangannya. Rata-rata umat Islam sedang berhempas pulas bertarung dengan pelbagai golongan "batil" dan mungkar sama ada yang dikenali sebagai komunis, sosialis, kapitalis, nasionalis, impirealis dan sebagainya. Soal ketahanan tidak seharusnya dianggap permasalahan yang bersifat sementara. Ini kerana ia adalah merupakan suatu permasalahan yang sedang menonjol dan perlu kepada penyelesaian bersifat segera dalam menghadapi kemelut kehancuran umat Islam terutama orang-orang Melayu. Apa yang dikatakan oleh beliau itu ada benarnya. Pengkaji bersetuju dengan kenyataan di bawah ini. Sewajarnya kita mencari jalan penyelesaian dengan segera.

---

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. 6.

<sup>8</sup> Siddiq Fadil (1977), *Kebangkitan Umat Kenyataan Dan Harapan*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 8.

*“...Pertarungan tersebut bukan sahaja dalam bentuk pertarungan idea (fikiran/faham) tetapi setengahnya telah meningkat kepada pergelutan fizikal atau pertempuran bersenjata. Dalam suasana demikian, soal “ketahanan” adalah persoalan yang bersifat global dan merupakan antara persoalan yang paling mendesak yang harus segera digarap dengan penuh rasa tanggungjawab”.*<sup>9</sup>

Ini kerana menurutnya lagi para sejarawan biasanya hanya menganalisis sesuatu peristiwa dengan menonjolkan faktor-faktor material, faktor politik, ekonomi dan seumpamanya. Penumpuan kepada aspek kebendaan sudah menjadi suatu gejala umum dalam orientasi persejarahan kini yang merupakan kesan langsung dari falsafah materialisme. Faktor moral atau spiritual jarang disoroti dengan sewajarnya oleh para pengkaji. Dan jika adapun kaedah pendekatan yang digunapakai agak berbeza. Pengkaji akui akan kebenarannya. Memang sehingga kini tidak ramai yang membincangkan aspek kerohanian secara langsung. Dan perkara ini perlu mendapat perhatian dari semua pihak. Sifat kerohanian merupakan penjana utama kepada nilai peribadi seseorang. Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji akan cuba mengambil peluang untuk menyoroti kedua-dua faktor tersebut agar seiring dan adakah ia mampu mengubah nasib bangsanya.

### **1.3 Kelahiran Gerakan Islah Di Tanah Melayu dan *Majalah al-Islah***

Dalam konteks negara Malaysia, sejarah gerakan islah atau pembaharuan ini dipelopori oleh pelajar-pelajar Melayu dari Timur Tengah di sekitar tahun 1904. Gerakan ini telah dipelopori oleh Jamal al-Din al-Afghani (1839 -1897 M)<sup>10</sup> dan al-Syeikh Muhammad Abduh (1849 – 1905 M)<sup>11</sup> di Mesir. Pengaruh pembaharuan telah disebarkan di Malaysia oleh Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minangkabawi (1861 – 1957

---

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 31.

<sup>10</sup> Sayid Jamaluddin Asadabadi, Jamaluddin Afghani atau Jamaluddin al-Afghani (1838-1897) merupakan seorang aktivis politik dan nasionalis Islam di Afghanistan, Iran, Mesir dan Empayar Uthmaniyah semasa kurun ke-19. Beliau merupakan salah seorang pelopor pemodenan Islam yang berpegang teguh kepada akidah Syiah.

<sup>11</sup> Syeikh Muhammad Abduh merupakan seorang pakar undang-undang berbangsa Mesir, ilmuan agama dan reformis pendidikan melalui pengislahan dalam sistem pendidikan. Lihat lanjut Khairul Anam Che Mentri dan ‘Ammar Gazali (2006), *al-Ustadh al-Imam Muhammad Abduh (1849-1905) Riwayat Hidup Dan Pemikiran*, Middle-East Graduates Centre Sdn. Bhd. dan Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid (1999), *Syeikh Muhammad Abduh Tokoh Reformis*, Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

M),<sup>12</sup> Syed Syekh Abdul Hadi (1867 – 1934 M)<sup>13</sup> dan Haji Abbas bin Muhammad Taha yang telah memelopori pembaharuan Islam bersama dengan Syekh Muhammad Jamil Jambek<sup>14</sup> dan Syekh Abdul Karim Amrullah<sup>15</sup> di Sumatera.<sup>16</sup> Mereka ini bukan sahaja aktif dalam bidang pendidikan, malah turut giat dalam aktiviti persuratan. Media menjadi sasaran di dalam pergerakan mereka.

Ini kerana keterlibatan ulama serta tokoh dunia Melayu menyalurkan pemikirannya dalam penulisan majalah-majalah yang mereka asaskan bukan lagi menjadi suatu perkara baru. Dimulakan dengan *al-Imām* yang terbit pada 1 Jamadilakhir 1324 H/Julai 1906 di Singapura dan diiringi oleh *Majalah al-Mudīr* yang pertama oleh Sheikh Muhammad al-Kalali. Manakala Syekh Abdullah bin Ahmad<sup>17</sup> pula menerbitkan *Majalah al-Munīr* di Padang Sumatera oleh ulama-ulama Minangkabau pada tahun 1908 dan diikuti oleh *Majalah Pengasuh*<sup>18</sup> dibawah kelolaan Muhammad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali)<sup>19</sup> yang diterbitkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat

---

<sup>12</sup> Nama penuhnya Muhammad Tahir bin Syekh Muhammad atau dikenali dengan gelaran Syekh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari (9 Disember 1869-26 Oktober 1956), merupakan tokoh bidang Falak Syar'i di Alam Melayu Nusantara yang telah memantapkan bidang fardu kifayah tersebut di rantau ini menerusi pengajaran, penggunaan dan penyebaran ilmu tentangnya di kalangan alim ulama yang bertanggungjawab membuat taqvim Islam tempatan. Lihat lanjut Mohd Sarim Hj. Mustajab (2005), "Syekh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki Ulamak Dan Ahli Falak", *Seminar Keilmuan Falak 'Syekh Tahir Jalaluddin dan Syekh Abdullah Fahim: Perintis Ilmu Falak Modern'*, anjuran Jabatan Mufti negeri Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia, pada 5 September 2005, h. 1-16, dan Tajuddin Saman & Ab. Manaf Hj. Ahmad (2005), *Tokoh-Tokoh Agama Dan Kemerdekaan Di Alam Melayu*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 122-125.

<sup>13</sup> Antara sumbangan yang telah dilakukannya ialah beliau merupakan pelopor gerakan Islam Islamiyah negara ini dan merupakan salah seorang pengasas majalah bulanan *al-Imam* yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1906 hingga Disember 1908. Sepanjang tempoh itu, sebanyak 31 keluaran telah berjaya diterbitkan. Lihat lanjut Tajuddin Saman & Ab. Manaf Hj. Ahmad (2005), *Tokoh-Tokoh Agama Dan Kemerdekaan Di Alam Melayu*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 27-30, Mat Senin Rais (1974), "Majalah al-Imam Kecam Sikap Melayu", *al-Islam*, Januari 1974, thn 1, bil. 1, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, h. 46-49, dan lihat juga William R. Roff (1975), *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestamam (terj.), Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 71-113.

<sup>14</sup> Syekh Muhammad Jamil Jambek adalah ulama pelopor pembaharuan Islam dari Sumatra Barat awal abad ke-20, dikenal juga sebagai ahli ilmu falak terkemuka. Nama Syekh Muhammad Jamil Jambek lebih dikenali dengan sebutan Syekh Muhammad Jambek, dilahirkan dari keluarga bangsawan.

<sup>15</sup> Syekh Abdul Karim Amrullah yang mendirikan madrasah di Padang Panjang mengeluarkan pandangan-pandangan tentang kepentingan ijtihad serta menyebarkan pembaharuan pemikiran pemodenan dalam masyarakat Islam.

<sup>16</sup> Mohamad Noor binti Deris (1995), "Proses Islah Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas", dalam *Seminar Pengajian Syariah 95'* pada 13 – 14 Jun 1995, Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya, h. 2.

<sup>17</sup> Syekh Abdullah Ahmad yang menetap di Kota Padang, Sumatera Barat ialah seorang wartawan dan pengarang yang aktif. Beliau telah menerbitkan *Majalah al-Munir* untuk melanjutkan cita-cita dan perjuangan selepas *Majalah al-Imam* dihentikan penerbitannya pada tahun 1908, kerana masalah kewangan.

<sup>18</sup> *Pengasuh* adalah majalah Melayu paling tua di negara ini dan pada peringkat awal majalah ini merupakan Warta Majlis yang berfungsi untuk mengedarkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mesyuarat-mesyuarat ulama. Majalah ini juga mengandungi tulisan-tulisan bercorak keagamaan. Antara ruangan yang lazim disiarkan ialah isu-isu agama semasa, soal-jawab, fatwa, rencana, tafsir dan hadis, tarikh, khutbah Jumaat dan tokoh ulama. Mula diterbitkan pada 11 Julai 1918 sehingga 23 Disember 1937 dan disambung semula pada Oktober 1946.

<sup>19</sup> Ketua pengarang *Majalah Pengasuh* yang pertama ialah Tok Kenali. Beliau bertugas sebagai Ketua Pengarang *Pengasuh* mulai keluaran pertama hingga bilangan 32, tahun kedua 9 Oktober 1919 M. Selain menulis dalam majalah, ulama-ulama pada peringkat kelapan ini juga menulis risalah-risalah agama Islam. Lihat lanjut "Tokoh Ulama Bantu Tingkat Syiar Islam: Tok Kenali, Syekh Abdul Qadir Laksana Pembaharuan Pemikiran Ummah Nusantara", *Berita Harian*, 9 Mac 2009.

Istiadat Melayu Kelantan pada 11 Julai 1918 sebagai majalah yang paling lama berada di pasaran sehingga kini.

Menyelusuri sejarah kebangkitan bangsa Melayu ini dalam mencetuskan semangat nasionalisme Melayu, *al-Imām* bangkit dalam suasana kegelapan selimut penjajah dan kurangnya kesedaran kebangsaan di kalangan pemerintah negeri-negeri ketika itu. Pemimpin-pemimpin penerbitan seperti Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Mohd Taha cuba mengisi ruang kosong minda para pembaca. *Al-Imām* dalam keluaran sulungnya mengajak masyarakat Melayu berfikir, mengingatkan yang terlupa, membangunkan orang-orang Melayu yang tertidur, menunjuk jalan mana-mana yang tersesat dan menyokong suara orang-orang Melayu yang bijaksana<sup>20</sup> cuba memberikan bingkisan yang berguna kepada generasinya.

Selepas kemunculan *al-Imām* di Singapura, penerbitan berkembang ke Pulau Pinang memperjuangkan ideologi yang sama. Ini membuktikan bahawa dua lokasi iaitu Singapura dan Pulau Pinang penyumbang utama dalam aktiviti percetakan di Tanah Melayu. Dengan keghairahan masyarakat Pulau Pinang terhadap idea-idea pembaharuan Kaum Muda juga turut membuka lembaran baru dalam penerbitan akhbar dan majalah. Majalah-majalah seperti *Idaran Zaman*, *al-Ikhwān* (1926 – 1931), *Saudara* (1928 – 1941), dan *Malaya* (1926 – 1931) sarat dengan idea-idea islah Kaum Muda. Dengan ini secara tidak langsung telah menghidupkan kegiatan penulisan dan percetakan di negeri tersebut.<sup>21</sup>

---

<sup>20</sup> Hj. Ahmad Hj. Samion & Ahmad Saupi Wadji (1989), *Hidup UMNO*, Penerbitan Gedung Ilmu, h. 1.

<sup>21</sup> Jelani Harun & Azmi Iskandar Merican (2008), "Pengarang Manuskrip dan Permulaan Percetakan di Pulau Pinang", dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed.), *Cakerawala Penulisan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 25.

Semenjak 1894 hingga 1941, Sohaimi Abdul Aziz menganggarkan lebih kurang 34 penerbitan berkala yang wujud di Pulau Pinang, berbeza dengan Siti Rodziah Nyan (2009) yang menyatakan munculnya sebanyak 40 buah akhbar dan majalah<sup>22</sup> dalam jangka masa tersebut. Dari 34 itu, 11 daripadanya adalah akhbar manakala selebihnya berbentuk majalah.<sup>23</sup> Jika sebelum merdeka, idea-idea islah lebih bersifat menyedar dan membangun namun selepas merdeka pergerakan islah kelihatan semakin agresif dalam mengisi agenda-agenda kemerdekaan. Sehingga pada awal 60-an hingga 70-an berlakunya kebangkitan semula Islam di Malaysia. Gerakan dakwah Islamiah bergerak begitu aktif dalam menggambarkan usahanya untuk menegakkan semula nilai dan amalan Islam dalam kehidupan masyarakatnya. Dengan tercetusnya Revolusi Iran menyemarakkan lagi api kebangkitan dunia Islam. Begitu juga dengan bidang persuratan, menurut Hamed Mohd Adnan tahun ini dunia permajalahan menjadi semakin matang.

Ledakan kebangkitan juga menjadi semakin rancak apabila mass-media mula menyongsong arus kebangkitan kesedaran dengan mempraktikkan dunia penerbitan sebagai alat bantu dalam menyuarakan pendapat. Salah satunya ialah *Majalah al-Islah* (Feb 1970) yang lahir hasil dari cetusan kebangkitan islah. Kelahiran *Majalah al-Islah* ini dilihat sebagai salah satu usaha dalam mengimbangi perkembangan majalah agama yang mengalami revolusi penerbitan majalah di Malaysia. Dan apa yang istimewanya mengenai majalah ini, ia dilihat tidak begitu keras dalam membangkitkan isu-isu yang relatif di masa itu berbanding *al-Imām*. Isinya tidak lagi garang dan pedas dalam memberikan teguran kepada masyarakatnya. Ini kerana *al-Islah* bertatih dari *al-Imām* pendekatan sebagaimana yang harus digunapakai agar selaras dengan perkembangan era selepas merdeka.

---

<sup>22</sup> Siti Rodziah Nyan (2009), *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. pengenalan.

<sup>23</sup> Sohaimi Abdul Aziz (2003), *Pulau Pinang Pusat Perkembangan Kesusasteraan Dahulu Dan Sekarang*, Universiti Sains Malaysia, h. 4.



Jika *al-Imām* dilihat agak bersifat terbuka, keras dan garang dalam memberikan teguran,<sup>24</sup> berbeza dengan *al-Islah* yang lebih bersifat menerangkan kepada masyarakatnya dengan lebih lunak didengar dan mudah untuk diikuti serta memberi kesan yang mendalam dalam pemikiran masyarakatnya. Ini kerana, kita ketahui bahawa setiap insan itu tidak akan terkesan jika diberi teguran dan herdikan dengan agak kasar. Oleh itu kaedah psikologi dan metode penyampaian yang jelas digunapakai dalam memberi pendedahan kepada masyarakatnya.

Kegagalan *al-Imām* dalam mempengaruhi dan memberikan kesan yang signifikan telah memberi satu pengajaran dan proses pembelajaran dalam menerbitkan *al-Islah*. Antara perkara yang dipelajari daripada *al-Imām*, dari segi pendekatan isu ia perlu kepada kerelevanan, dan pendekatannya lebih banyak kepada mendedah dan memperkenalkan tanpa adanya hujah atau perbincangan yang agresif. Inilah yang dikatakan pendekatan deskriptif dan membincangkan serta mengungkap isu-isu yang agak relatif dengan realiti hidup semasa. Sikap dan perlakuan serta pemerhatian yang dirasai oleh Tuan Haji Yusof Rawa telah memberikan suatu suntungan baru bagi kesinambungan perkembangan persuratkhabaran Melayu bercorak islah.

Maka dengan kelahiran *Majalah al-Islah*, ia dilihat sebagai suatu inisiatif dan wakil kepada suara islah dalam era 70-an bagi menggantikan suara *al-Imām* (1906), *Neracha* (1910), *Tunas Melayu* (1913), *al-Ikhwān* (1926) dan *Saudara* (1934) yang lahir sebelum merdeka. Pemilihan tahun 70-an dalam penerbitan *al-Islah* di Pulau Pinang adalah suatu yang amat mustahak. Ini kerana kehangatan puncak islah mula dirasai oleh setiap masyarakat terutamanya generasi berpendidikan Islam. Tuan Haji Yusof Rawa sendiri sebagai pengasas majalah ini pernah menyatakan bahawa “*umat Islam di*

---

<sup>24</sup> Dr. Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2012), *Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996): Kajian Terhadap Pendekatan Dan Tema*, Tesis PhD di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 211-212.

*Malaysia harus menjadikan tahun 1970 M/1390 H sebagai tahun memulakan gerakan dakwah yang lebih cergas, lebih dinamis daripada gerakan di dalam tahun-tahun yang sebelumnya”.*<sup>25</sup>

Keistimewaan majalah ini juga terserlah dengan kewibawaan barisan penulisnya yang terdiri dari pelbagai latar belakang pendidikannya. Antaranya Haji Yusof Rawa sendiri, Abu Zaki Fadhil, Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy, Syeikh Ali Abdul Mun'im Abdul Hamid dipetik dari majalah al-Wa'e al-Islamiah, Kuwait, Muhammad Natsir, S. Othman Kelantan, Nahmar Jamil, Ismail Awang, Abdul Rasyid Long, Bakhtiar Jamili dan ramai lagi.

Oleh itu, pengkaji melihat *Majalah al-Islah* amat unik untuk dikaji. Selain dari penatapan isi yang sarat dengan teguran-teguran berbentuk islah seperti menggalakkan orang-orang Melayu mengikuti perkembangan politik, ekonomi, pelajaran dan menggesa mereka agar peka dengan pergolakan yang berlaku, kajian mengenai majalah ini juga masih kurang dijalankan. Setakat yang ditemui hanya terdapat kertas kerja dan latihan ilmiah yang sekadar memberi pengenalan awal kepada kemunculan majalah ini. Justeru itu, timbul satu persoalan terhadap pengkaji adakah *Majalah al-Islah* ini merupakan kesinambungan daripada penerbitan majalah bercorak islah?. Dan adakah isu yang cuba diketengahkan oleh *al-Islah* selari dan mampu berdiri seiring dengan kerelatifan zamannya?. Perkara-perkara inilah yang akan cuba dirungkaikan nanti.

## **2. Pengertian Tajuk**

Bagi memberikan pemahaman yang lebih jelas dan tepat mengenai tajuk kajian ini, akan dihuraikan serba ringkas mengenai pendefinisian istilah secara umum

---

<sup>25</sup> Yusof Rawa (1970), “Mengharapkan Hijriah 1390 Ini Dijadikan Tahun Berdakwah”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 4, jil. 1, 1 April 1970 bersamaan 24 Muharram 1390, h. 4.

mengenai tajuk kajian yang dijalankan dengan tajuk: *Yusof Rawa Dan Majalah al-Islah: Kajian Terhadap Idea-Idea Pembaharuan*.

Berdasarkan tajuk kajian ini, pengkaji akan memperkenalkan siapakah Tuan Haji Yusof Rawa. Nama beliau ialah Yusof bin Haji Abdullah al-Rawi atau lebih dikenali sebagai Tuan Haji Yusof Rawa. Dilahirkan di Lebuh Aceh, Pulau Pinang pada 8 Mei 1922 M bersamaan 10 Ramadan 1340 H. Pendidikan awal bermula di Sekolah Rendah Hutan Mayat di Jalan Carnavon sehingga darjah empat. Kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Charausta<sup>26</sup> di Transfer Road. Pendidikan menengah bermula di *Inggeris Government English School*,<sup>27</sup> *Penang Free School* dan akhir sekali menyambung pelajaran ke Mekah di *Ma'ahad al-Falah* menerusi bidang Usuluddin dan berjaya memperolehi *Diploma Takhāssus al-Dīni* dan turut berguru dengan syekh-syekh alim dari Nusantara dan tempatan.<sup>28</sup>

Di samping itu, beliau turut mengikuti perkembangan pemikiran dunia Islam ketika itu. Pemikiran tokoh-tokoh Islam seperti Jamaluddin al-Afghani,<sup>29</sup> Muhammad Abduh,<sup>30</sup> Hasan al-Banna,<sup>31</sup> Syed Qutub dan lain-lain tokoh Ikhwan diikuti dengan penuh minat. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi Yusof Rawa dari segi fikrahnya terhadap Feqah Ibadat dan Feqah Siasah. Maka, apabila beliau pulang ke Tanah Melayu, ia sedikit sebanyak mempengaruhi pemikirannya dalam memperbaharui kehidupan masyarakatnya. Untuk mengupas lanjut mengenai latar belakang Tuan Haji Yusof Rawa, akan dibincangkan di dalam bab dua nanti.

---

<sup>26</sup> Shaari Sungib (t.t.), *Biodata Lima Tokoh Perjuangan Pas*. Gombak: PAS Gombak & Penerangan PAS Gombak, h. 20.

<sup>27</sup> Mujahid Haji Yusof Rawa (2001), *Pernyataan Dari Pulau Mutiara*, Warathah Haji Yusof Rawa Sdn. Bhd. dan Dewan Muslimat Sdn. Bhd, h. 16.

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 26.

<sup>29</sup> Nama sebenar Sayid Jamaluddin al-Afghani ialah Muhammad Jamaluddin al-Afghani al-Husaini (1838-1897M) merupakan seorang aktivis politik dan nasionalis Islam di Afghanistan, Iran, Mesir dan Empayar Uthmaniyyah semasa kurun ke-19. Beliau merupakan salah seorang pelopor pemodenan Islam yang berpegang teguh dengan akidah Syiah.

<sup>30</sup> Nama sebenar Syeikh Muhammad Abduh ialah Muhammad bin Abduh bin Hasan Khairullah. Beliau merupakan seorang pakar undang-undang berbangsa Mesir, ilmuan agama, dan reformis pendidikan melalui pengislahan dalam sistem pendidikan. Lihat lanjut Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid (1999), *Syeikh Muhammad Abduh Tokoh Reformis*, Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

<sup>31</sup> Hassan al-Banna (14 Oktober 1906 - 12 Februari 1949) merupakan seorang reformis sosial dan politik Mesir yang terkenal sebagai pengasas gerakan Jamiat al-Ikhwan al-Muslimun.

Perkataan majalah pula merujuk kepada sebuah penerbitan berkala, sama ada dwi-mingguan, bulanan, dwi-bulanan, dwi-tahunan dan sebagainya, yang berisi beraneka rencana dengan subjek yang pelbagai. Majalah biasanya memiliki artikel mengenai topik popular yang ditujukan kepada masyarakat umum dan ditulis dengan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca. Pada kebiasaannya, majalah dicetak berwarna dan menggunakan kertas yang lebih bermutu. Majalah secara umumnya boleh didapati di toko-toko buku, gerai majalah, pusat beli-belah, pasar raya, pasar mini, kedai runcit dan sebagainya.<sup>32</sup> Selain itu, majalah juga boleh difahami sebagai bahan bercetak yang diterbitkan mengikut jangka masa tertentu (periodikal) yang di dalamnya mengandungi pelbagai bahan tulisan, grafik, iklan, editorial dan kulit (cover).<sup>33</sup>

Majalah juga membawa maksud “*is a publication with a paper which regularly, usually every week or every month, and which contains articles, stories, photograph and advertisement*” (adalah penerbitan yang menggunakan kertas secara berkala, biasanya diterbitkan setiap minggu atau setiap bulan yang padat dengan artikel, cerita, imej dan iklan di dalamnya).<sup>34</sup> Ia juga turut diterjemahkan sebagai kertas besar yang mempunyai kulit, mengandungi jalan cerita, gambar dan lain-lain serta pelbagai isu yang biasanya dikeluarkan setiap minggu atau setiap bulan.<sup>35</sup> Selain itu majalah juga dikenali dengan nama *almacen*<sup>36</sup> dalam bahasa Sepanyol, *magazzino* dalam bahasa Itali, *makazin* dalam bahasa Arab dan *magazin* dalam bahasa Perancis.<sup>37</sup>

---

<sup>32</sup> Pengertian Majalah. <http://ms.wikipedia.org/wiki/Majalah>. Diakses pada 7 Februari 2009.

<sup>33</sup> Hamed Mohd Adnan (1998), “Majalah-Majalah Agama Sebelum Perang Dan Ekonomi Penerbitannya” dalam *Pengajian Sastera Dan Sosio Budaya Melayu: Memasuki Alaf Baru*, Hashim Awang AR, et al., (ed.), Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 140.

<sup>34</sup> \_\_\_\_\_ (2006), *Collins Cobuild Advanced Learner's English Dictionary* (fifth edition), HarperCollins Publishers, h. 865.

<sup>35</sup> As Hornby (1995), *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (fifth edition), Jonathan Crowther (ed.), Oxford University Press, h. 705.

<sup>36</sup> \_\_\_\_\_ (t.t.), *Cassell's Spanish-English English –Spanish Dictionary*. Edgar Allison Peers et al., (ed.), Cassel London, h. 50.

<sup>37</sup> \_\_\_\_\_ (1996), *The Oxford English Reference Dictionary*, Judy Pearsall & Bill Trumble (ed.), New York: Oxford University Press, h. 864.

*Al-Islah* diterbitkan ditengahbulanan dengan menggunakan sistem jilid dan bilangan ini sering mengutarakan pelbagai tema Islamik yang mampu menggarap minda pembaca. Dengan menggunakan sistem tulisan Jawi dan purata halaman 16 hingga 32 halaman diterbitkan dengan kekerapan dwi-mingguan bermula dari 15 Februari 1970 bersamaan 9 Zulhijjah 1389 H, 1 Mac 1970, 15 April 1970 dan seterusnya. Majalah ini diterbitkan oleh syarikat percetakan Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Pulau Pinang dengan berukuran 7.2 x 10.1 inci dengan harga 30 sen senaskhah. Namun mulai jilid keempat sekitar tahun 1973, ukurannya telah ditukar kepada saiz yang lebih kecil iaitu 11 x 7.75 inci dengan harga yang sama.

Kelahiran majalah ini adalah bertujuan memberikan suatu pembaikan dan pembaharuan ke atas masyarakat Islam di samping “*mendokong cita-cita yang cukup besar, membawa tanggungjawab yang cukup berat, ingin berbakti dan berkhidmat kepada ugama, bangsa dan tanah air*”.<sup>38</sup> Majalah ini diterbitkan “*bertujuan menyeru dan berdakwah selain menyeru umat berbuat baik dan melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan munkar*”<sup>39</sup> dalam cita-cita mengabdikan diri di bidang dakwah Islamiah dalam bentuk tulisan. Ini kerana menurut Tuan Haji Yusof Rawa, setiap hati manusia itu “*selalu melupai tugasnya dan konsep perjuangan hidupnya di muka bumi ini, ialah sebagai hamba Allah yang mesti dihiasi lembaran sejarah hidupnya dengan amal ibadah semata-mata kerana Allah s.w.t.*”.<sup>40</sup> Dan perbincangan lanjut mengenai *Majalah al-Islah*, akan dibentangkan di dalam bab ketiga.

---

<sup>38</sup> Yusof Rawa (1970), “Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 1, jil. 1, 15 Februari 1970 bersamaan 9 Zulhijjah 1389, h. 3.

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Yusof Rawa (1970), “Mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijriah 1390”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3, jil. 1, 15 Mac 1970 bersamaan 7 Muharram 1390, h. 4.

Begitu juga dengan idea-idea pembaharuan. Pembaharuan juga boleh difahami sebagai islah atau reformasi. Perkataan reformasi berasal daripada bahasa Inggeris: *to reform* yang bermaksud membentuk lagi, menyusun kembali, memperbaiki, memperbaharui dan mengubah. Manakala perkataan *reformation* pula bererti pembaharuan, pembaikan hidup, penghapusan tindakan-tindakan buruk dan pembentukan baru. *Reformis* pula merujuk kepada penganut gerakan pembaharuan.<sup>41</sup>

Menurut Kamus Dewan, *reformasi* adalah perubahan atau pembaharuan yang mengarah kepada keadaan yang lebih baik, misalnya dalam sistem sosial, politik dan kebudayaan.<sup>42</sup> Dalam pengertian yang lebih mudah reformasi bererti sesuatu jenis perubahan di mana pembentukan semula dilakukan kepada sesuatu bentuk yang mengubahnya menjadi suatu bentuk atau corak yang lain. Dan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan juga adalah bertujuan untuk mencapai matlamat jangka panjang, sementara matlamat tersebut pula adalah bersifat menyeluruh.<sup>43</sup>

Dalam *Dictionary of Education* (1977: 287), reformasi dihuraikan sebagai sebarang cadangan perubahan ke arah pembaikan dalam teori dan amalan.<sup>44</sup> Selain itu, di dalam konteks Islam istilah reformasi juga dikenali sebagai islah atau perbaikan.<sup>45</sup> Lima aspek yang akan menjadi subjek utama kajian ini. Antaranya sistem pendidikan, politik, perundangan, ekonomi dan sosial yang akan dibincangkan di dalam bab keempat.

---

<sup>41</sup> Indrawan Haji Mohd Yatim (2001), *Kebangkitan Islam Abad Ke 21 Renaissance Melayu*, Inter Perfection Sdn. Bhd. h. 175.

<sup>42</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1302.

<sup>43</sup> Datuk Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin (1991), "Reformasi Pendidikan Dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Isu Dan Cabaran, dalam Mohd Idris Jauzi (ed.), *Reformasi Pendidikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 17.

<sup>44</sup> Page, G. Terrye, *et.al.*, (1977), *International Dictionary of Education*, London: K. Page, h. 287

<sup>45</sup> Indrawan Haji Mohd Yatim (2001), *op.cit.*, 176.

Oleh itu, secara keseluruhannya kajian ini boleh difahami sebagai kajian terhadap sumbangan yang diberikan oleh Tuan Haji Yusof Rawa dalam memperjuangkan idea-idea islah dalam *Majalah al-Islah*. Di mana *Majalah al-Islah* itu boleh difahami sebagai sebuah majalah berbentuk pembaharuan dengan mengembangkan idea-idea reformis agar masyarakatnya sentiasa terkehadapan dan dapat memperbaiki atau memperbaharui sesuatu mengikut peredaran semasa.

### **3. Perumusan Masalah**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, maka dapatlah dirumuskan bahawa masalah yang menjadi objek kajian ini ialah:

- i. Siapakah Tuan Haji Yusof Rawa dan apakah sumbangannya dalam *Majalah al-Islah*?
- ii. Apakah bentuk perkembangan *Majalah al-Islah* dalam tahun 70-an?
- iii. Apakah idea-idea pembaharuan yang diperjuangkan di dalam *Majalah al-Islah*?

### **4. Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah bagi melihat sejauhmana *Majalah al-Islah* berperanan membawa pemikiran islah kepada masyarakat Melayu. Di samping itu, terdapat beberapa objektif umum, antaranya:

- i. Mengkaji biografi Tuan Haji Yusof Rawa dan sumbangannya terhadap perkembangan *Majalah al-Islah*.
- ii. Menganalisis sejarah perkembangan *Majalah al-Islah* (1970-1974).

- iii. Menganalisis idea-idea pembaharuan yang terdapat dalam *Majalah al-Islah* meliputi lima aspek iaitu pendidikan, politik, perundangan, ekonomi dan sosial.

## 5. **Kepentingan Kajian**

Kajian disertasi ini dilakukan pertama adalah untuk mengetahui siapakah Tuan Haji Yusof Rawa. Penekanan akan diberikan mengenai latar belakang beliau, pendidikan dan kegiatan yang dijalankan sepanjang riwayat hidupnya. Selain itu, penekanan juga diberikan kepada peranan dan sumbangan yang diberikan dalam penerbitan *Majalah al-Islah*. Sejauh manakah sumbangan beliau terhadap *Majalah al-Islah* dan adakah majalah ini menjadi salah satu agen terpenting dalam mengubah minda orang-orang Melayu dalam era 70-an?.

Kedua, kajian ini perlu dilakukan bagi mengetahui dan menjelaskan sejarah perkembangan akhbar dan majalah Melayu sebagai medium terpenting dalam menaikkan semangat kebangsaan kepada orang-orang Melayu. Melalui akhbar dan majalah ini juga diharap dapat dianalisis hubungkait di antara rentetan sejarah penerbitan dengan perkembangan pergerakan islah di Tanah Melayu. Melihat sejauhmana kepulungan pelajar-pelajar Melayu dari Timur Tengah dan pengaruh dari India mempengaruhi perkembangan islah di Tanah Melayu?.

Ketiga, kajian juga dilakukan untuk mengkaji idea-idea pembaharuan yang dimuatkan di dalam *Majalah al-Islah* agar dapat menjelaskan tentang peranan yang penting dalam memberi kesedaran dan teguran kepada masyarakatnya. Aspek yang diberi tumpuan adalah teguran-teguran *al-Islah* mengenai bidang pendidikan, politik, perundangan, ekonomi dan sosio-budaya. Oleh itu, melalui kajian ini juga melihat



adakah teguran-teguran yang diberikan relevan dengan realiti semasa pada ketika itu?. Dan sekiranya kajian ini tidak dilakukan, adalah sukar untuk dibuktikan bahawa majalah ini benar-benar sebuah majalah berbentuk islah atau sebaliknya.

## **6. Skop Kajian**

Kajian ini tertumpu kepada sejarah perkembangan persuratkhabaran di Alam Melayu dan sejarah perkembangan gerakan pemikiran islah di Malaysia. Di samping itu, pengkaji turut mengkaji sejarah penerbitan akhbar dan majalah terutama penerbitan berunsur agama dan secara tidak langsung keterlibatan Tuan Haji Yusof Rawa dalam menerbitkan majalah bercorak agama. Subjek utama kajian ini ialah *Majalah al-Islah*.

Pemilihan *Majalah al-Islah* sebagai skop kajian adalah kerana majalah ini merupakan salah sebuah majalah yang cuba membawa pembaca ke arah kebaikan dan penulisan yang diketengahkan adalah gagasan dan idea pemikiran penulisnya yang menjurus ke arah pengislahan masyarakat. Dan pemilihan tahun 1970 hingga 1974 sebagai batasan kajian, kerana penerbitan majalah ini tidak lama. Hanya terdapat sebanyak empat jilid sahaja yang boleh diperolehi di Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

Dari segi kajian pula memandangkan kajian ini berbentuk deskriptif tanpa perlu kepada proses analitikal, maka pengkaji hanya perlu menerang, menghurai dan mengulas isu-isu berbangkit yang mungkin masih lagi relatif pada ketika itu dan masih relevan di masa kini untuk dirujuk dan diamati oleh cendekiawan kini.

Walaupun kemunculannya tidak se-gah *Pengasuh* yang masih mampu bertahan sehingga kini, namun gagasan idea pemikiran yang diketengahkan oleh pengarang cukup membuat masyarakat menyedari akan realiti masyarakat Islam hari ini melalui sentuhan yang pelbagai. Dan ia menjadi wakil dalam tahunnya sebagai suatu bentuk jihad berbentuk tulisan dan kesinambungan kepada penerbitan majalah sebelum merdeka seperti *al-Imām*.

Dengan ini, kajian ditumpukan sepenuhnya kepada *Majalah al-Islah* bagi mengupas isu pendidikan, ekonomi, politik, perundangan, ekonomi dan sosial yang memberikan input dan output kepada masyarakat agar kembali kepada fitrah manusia itu sendiri. Skop kajian ini dilakukan agar pengkaji dapat memfokuskan kajian kepada isu-isu yang diperbincangkan sekitar tahun 70-an seperti yang termuat di dalam *Majalah al-Islah*. Walaupun telah banyak kajian yang dilakukan mengenai permasalahan politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya, namun sorotan dan pengkajian dari sudut pandangan akhbar-majalah Melayu masih kurang dilakukan kecuali beberapa kajian yang akan dinyatakan di bawah ini. Begitu juga dengan *Majalah al-Islah*, pengkaji-pengkaji sebelum ini hanya menyentuh secara sepintas lalu sahaja tanpa adanya perincian yang jelas mengenainya. Oleh itu, penulisan mengenai *Majalah al-Islah* secara khusus nampaknya masih belum lengkap dan inilah yang menjadi daya penarik untuk dibincangkan di dalam kajian ini.

## **7. Sorotan Perpustakaan**

Pada dasarnya kajian mengenai sejarah gerakan islah telah banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Mereka telah menyingkap mengenai sejarah kelahiran gerakan islah secara umum atau mengkhususkan kepada tokoh-tokoh pemikir tertentu secara lebih terperinci. Begitu juga kajian di dalam bidang persuratan Islam. Kajian mengenai

perkembangan akhbar dan majalah juga telah banyak dilakukan dengan pelbagai metode kajian. Penggambaran secara umum atau secara khusus menjadi tema kajian bagi setiap pengkaji. Namun melalui kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati masih terdapat ruang kosong di dalam kajian-kajian lepas.

Oleh itu melalui sorotan perpustakaan ini, pengkaji akan menyenaraikan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Untuk memudahkan pengkaji untuk menyenaraikan mengenai kajian-kajian lepas ini, ia akan dicerakinkan kepada dua tema utama. Pertama, kajian-kajian berkaitan pergerakan islah meliputi sejarah perkembangan, faktor kemunculan dan juga kajian mengenai tokoh-tokoh islah. Bahagian kedua pula kajian berkaitan persuratan, melibatkan sejarah perkembangan akhbar dan majalah, faktor-faktor perkembangan percetakan di Malaysia dan kajian-kajian khusus kepada akhbar atau majalah-majalah tertentu. Di samping itu, terdapat juga kajian-kajian yang lebih bersifat terbuka dengan menggabungkan di antara kajian berbentuk islah dengan majalah-majalah islah seperti yang akan kita bincangkan di bawah ini.

Kajian berkaitan islah yang pertama ialah "*Nasionalisme Melayu*"<sup>46</sup> dan oleh William R. Roff hasil terjemahan Ahmad Boestamam yang diterbitkan pada tahun 1975 kemudian diulang cetak pada tahun 2003. Apa yang menarik mengenai kajian William R. Roff ini ialah di mana kajiannya banyak memfokuskan kepada permasalahan orang Melayu. Iaitu bagaimana masyarakat Melayu menghadapi karenah pihak Inggeris dan juga bagaimana *al-Imām* memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu sehingga berlakunya pergolakan di antara dua aliran pemikiran yang amat penting untuk dikaji. Dua aliran tersebut ialah Kaum Tua atau dikenali sebagai golongan konservatif dengan pemikiran islah atau lebih dikenali ramai sebagai aliran Kaum Muda yang lebih bersifat terbuka dalam menerima arus kemodenan.

---

<sup>46</sup> William R. Roff (1975), *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestamam (terj.), Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kajian kedua ialah mengenai *Gerakan Islah Di Perlis: Sejarah dan Pemikiran* oleh Abdul Rahman Haji Abdullah.<sup>47</sup> Di dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kajiannya terhadap perkembangan gerakan islah yang berlaku di sekitar Perlis. Persekitaran permasalahannya hanya melingkungi isu-isu yang berlaku di sekitar negeri Perlis dengan perbincangan yang agak terperinci mengenainya. Sungguhpun begitu, kajian ini dilihat menggunakan ruang skop yang agak sempit kerana lapangan kajian hanya tertumpu di negeri Perlis semata-mata.

Di dalam artikel, *Permodenan Dan Pendidikan Masyarakat Melayu*,<sup>48</sup> beliau juga telah membincangkan secara terperinci mengenai keadaan masyarakat Melayu yang perlu kepada satu transformasi dalam memodenkan institusi-institusi sosiobudaya, reformasi dalam agama, perubahan dalam pendidikan dan pemodenan dalam pemikiran, sikap dan tingkah laku individu. Beliau mengupas mengenai erti kemodenan dan menggariskan ciri-ciri individu moden dalam skala '*degree of modernity*' hasil tulisan Alex Inkeles dalam bukunya *Becoming Modern: Individual Change in Six Developing Countries*. Prof. Isahak Haron ini hanya memandang permodenan itu dari sudut umum tanpa memperincikan apa yang dikatakan permodenan dan pembangunan seperti yang telah digariskan oleh Islam.

Mohamad Noor bin Deris (1995) dalam syarahannya bertajuk "*Proses Islah di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas*".<sup>49</sup> Dalam kajian ini, Mohamad Noor lebih tertumpu kepada usaha penyingkapan proses perjalanan islah di Malaysia dengan menyatakan mengenai fenomena masyarakat yang dihadapi oleh para pengislah dalam menyuburkan kembali landasan Islam yang sebenar. Tambahan pula, kajian yang dilakukannya agak

---

<sup>47</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *Gerakan Islah Di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*, Penerbitan Pena: Kuala Lumpur.

<sup>48</sup> Prof. Dr. Isahak Haron (1993), *Pemodenan Dan Pendidikan Masyarakat Melayu* dalam *Melayu Baru*, Kuala Lumpur: ITC Book Publisher, h. 89.

<sup>49</sup> Mohamad Noor binti Deris (1995), "Proses Islah Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas", dalam *Seminar Pengajian Syariah 95'* pada 13 – 14 Jun 1995, Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya.

ringkas dan bersifat umum tanpa melibatkan secara khusus penglibatan seseorang tokoh pemikir.

Begitu juga dengan Mohamad Sarim Haji Mustajab dalam kajiannya bertajuk “*Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tokoh Pelopornya*”<sup>50</sup> hanya menyentuh kepada tiga orang tokoh islah iaitu Şyeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falākī, Haji Abbas bin Mohamad Taha dan Syed Şyeikh Abdul Hadi. Penulis juga lebih memfokuskan kepada biografi dan gerakan islah yang dibawa berbanding membincangkan mengenai isu pemikiran islah di Tanah Melayu.

Mengenai pembukaan minda Melayu pula, Dato’ Dr. Sidek Fadzil (2002) dalam artikelnya bertajuk “*Minda Muslim: Ketegaran Dan Keluwesannya*”,<sup>51</sup> beliau membincangkan mengenai ketertutupan minda Melayu dalam menghadapi abad ke-21. Hasil kupasan didapati kertas kerja ini hanya menyentuh mengenai sejarah pemikiran Islam dengan memaparkan serba ringkas mengenai sejarah krisis minda yang dialami masyarakat Islam yang akhirnya melahirkan suatu siri gerakan yang dikenali sebagai gerakan salafiah, tajdid dan islah.

Kertas kerja Isahak Haron (2002) “*Pandangan Orang Melayu Dan Reform Dalam Pendidikan*”<sup>52</sup> pula, lebih banyak menumpukan aspek sebab-akibat pendidikan dan ekonomi orang Melayu itu mengalami kemunduran yang amat mengecewakan. Kajian ini dilihat ada kelemahan yang nyata, di mana ia banyak menyentuh mengenai sejarah pendidikan di Alam Melayu dan usaha-usaha yang dimainkan oleh beberapa

---

<sup>50</sup> Mohamad Sarim Mustajab (1996), “Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya”, dalam *Melaka Dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, diselenggarakan oleh Abdul Latiff Abu Bakar, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 117-146.

<sup>51</sup> Dato’ Dr. Sidek Fadzil (2002), “Minda Muslim: Ketegaran Dan Keluwesannya”, dalam *Isu Dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, Dewan Bahasa & Pustaka, h. 43.

<sup>52</sup> Isahak Haron (2002), “Pandangan Orang Melayu Dan Reform Dalam Pendidikan”, *Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu I*, Hotel Renaissance, Kuala Lumpur pada 1-3 Oktober 2002.

orang tokoh pemikir Melayu yang cuba untuk memajukan pendidikan dan ekonomi orang Melayu agar setanding dengan kaum imigran yang lain.

Mengenai pengaruh gerakan pula, Ahmad Zaki Abd. Latiff dalam tesisnya bertajuk “*Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama Dan Politik Masyarakat Melayu (1971-1998)*”<sup>53</sup> cuba mencari kesinambungan di antara Timur Tengah dengan Alam Melayu dalam proses islah yang digarapkan. Kajian beliau dilihat hanya memfokuskan kepada sebuah pergerakan iaitu gerakan al-Ikhwan al-Muslimun dan keterlibatan pelajar-pelajar Melayu dalam mengadaptasikan pergerakan tersebut di Alam Melayu.

Bagi Badlishisham Mohd Nasir (2009) di dalam bukunya “*Dinanisme Gerakan Islam Dan Cabaran Semasa*”<sup>54</sup> lebih cenderung memfokuskan kajian dengan mengklasifikasikan gerakan Islam kepada beberapa bahagian utama seperti gerakan dalam menuntut kemerdekaan, gerakan politik dan demokrasi, reformasi pendidikan, perjuangan dan reformasi ekonomi, pendekatan kesenian oleh para reformis serta gerakan mahasiswa pengajian Islam terhadap isu-isu semasa. Kajian beliau ini hanya menyentuh mengenai pergerakan-pergerakan yang wujud di Malaysia tanpa melibatkan atau menonjolkan mana-mana majalah yang terlibat secara langsung di dalam gerakan-gerakan tersebut.

Dan bagi kajian ilmiah pula, kajian mereka majoriti hanya menyentuh secara khusus kepada seseorang tokoh islah semata-mata yang dikaitkan dengan bidang penerbitan majalah itu sendiri dan beberapa buah majalah lain seperti *Majalah al-Imām*, *al-Munīr*, *al-Ikhwān* dan *Pengasuh*. Antaranya seperti yang dikaji oleh Siti Fathimah

---

<sup>53</sup> Ahmad Zaki Abd. Latiff (2003), *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama Dan Politik Masyarakat Melayu (1971-1998)*, Tesis Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

<sup>54</sup> Badlishisham Mohd Nasir (2009), *Dinanisme Gerakan Islam Dan Cabaran Semasa*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Abdul Halim (2008/09) “*Perjuangan Intelejensia Melayu Selepas Merdeka: Kajian Terhadap Majalah al-Islah*”,<sup>55</sup> Siti Aisyah Mat Saad (2005/06) “*Pemikiran Islah Dalam Majalah al-Ikhwān, 1926 – 1931*”,<sup>56</sup> Sayed *Shaikh al-Hadi Dan Pendapat2-nya Mengenai Kemajuan Kaum Perempuan (Sebagai Tersiar di Dalam Majallah al-Ikhwān)*<sup>57</sup> oleh Marina Merican dan begitu juga Rafidah Ab. Rahman<sup>58</sup> yang mengkaji *Majalah Pengasuh* hanya merungkai pemikiran islah yang dibawa oleh Tok Kenali tanpa melibatkan tokoh pemikir yang lain. Manakala yang terbaru ialah kajian Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid sendiri bertajuk “*Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996): Kajian Terhadap Pendekatan Dan Tema*”<sup>59</sup> yang hanya mengkaji mengenai tema yang terdapat di dalam *Pengasuh*.

Mengenai kajian terhadap majalah berunsur gerakan islah ini, Farid Mat Zain dan Rabitah Mohd Ghazali dalam “*Hubungan Dan Pengaruh Majalah al-Manār Terhadap Kebangkitan Islam Di Malaysia: Fokus Terhadap Majalah Terpilih*”,<sup>60</sup> hanya menyentuh kepada empat buah majalah utama yang begitu signifikan dengan *majalah al-Manār* iaitu *al-Imām*, *al-Ikhwān*, *Neraca* dan *Saudara* tanpa menyelitkan *Majalah al-Islah* yang juga standing dalam memberikan sumbangan dan peranan dalam memaju dan memandu masyarakat Melayu ke arah kualiti hidup yang lebih dinamik.

---

<sup>55</sup> Siti Fathimah Abdul Halim (2008/09), *Perjuangan Intelejensia Melayu Selepas Merdeka: Kajian Terhadap Majalah al-Islah*, Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>56</sup> Siti Aisyah Mat Saad (2005/06), *Pemikiran Islah Dalam Majalah al-Ikhwān, 1926 -1931*, Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

<sup>57</sup> Marina Merican (1960), *Sayed Shaikh al-Hadi dan pendapat2-nya mengenai kemajuan kaum perempuan (sebagai tersiar di dalam majallah al-Ikhwān)*, Latihan Ilmiah Universiti Malaya.

<sup>58</sup> Rafidah Ab. Rahman (2008), *Pengasuh Dalam Persuratan Islam Di Malaysia, Sumbangan Dalam Pembangunan Pemikiran Dan Islah: Kajian Di Era Kepimpinan Tok Kenali Sebagai Ketua Pengarang*, Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>59</sup> Dr. Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2012), *Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996): Kajian Terhadap Pendekatan Dan Tema*, Tesis PhD di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>60</sup> Farid Mat Zain & Rabitah Mohd. Ghazali (2006), “*Hubungan Dan Pengaruh Majalah al-Manar Terhadap Kebangkitan Islam Di Malaysia: Fokus Terhadap Majalah Terpilih*”, dalam Ahmad Sunawari Long & Zul’azmi Yaakob (ed.), *Budaya Dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 112.

Bagi kajian berbentuk persuratan pula, pengkaji mulakan dengan kajian yang dijalankan oleh Drs. A. M. Iskandar Haji Ahmad dengan tajuk “*Persuratkhbaran Melayu (1876 -1968)*”,<sup>61</sup> yang mengkaji mengenai sejarah perkembangan akhbar dan majalah berdasarkan kronologi tahun bermula dengan kemasukan alatan percetakan sekitar tahun 1876 hingga lepas merdeka tahun 1968. Kajian beliau hanya memperkenalkan kepada umum mengenai bentuk-bentuk fizikal seperti penerbit, tahun terbitan dan ukur persegi akhbar tersebut. Walaupun kajian ini memudahkan para pengkaji, namun ia tidak menjelaskan secara terperinci sebab dan akibat kemunculan sesebuah akhbar dan majalah itu.

Begitu juga di dalam “*Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*”,<sup>62</sup> W. R. Roff banyak membincangkan mengenai kemunculan akhbar dan majalah di Tanah Melayu secara umum sahaja. Serta kajian Mark Emmanuel,<sup>63</sup> hanya membincangkan mengenai dunia penerbitan akhbar dan majalah sekitar tahun 30-an sahaja. Ia memperlihatkan ruang skop yang sempit tanpa perbincangan yang lanjut mengenai tahun-tahun berikutnya. perbincangannya hanya tertumpu kepada beberapa buah majalah seperti Warta Malaya dan majalah Guru yang diterbitkan awal 20-an dan peranan yang dimainkan oleh Za’ba di dalam majalah Guru.

Hamed Mohd Adnan (1998) juga terkenal di dalam kajian berkaitan majalah. Dalam artikelnya bertajuk “Majalah-Majalah Agama Sebelum Perang Dan Ekonomi Penerbitannya” dalam buku “*Pengajian Sastera Dan Sosio Budaya Melayu Memasuki Alaf Baru*”,<sup>64</sup> dijelaskan mengenai sejarah dan perkembangan awal majalah bercorak Islam dengan memberi contoh beberapa buah majalah terbitan agama yang diterbitkan

---

<sup>61</sup> Drs. A. M. Iskandar Hj. Ahmad (1973), *Persuratkhbaran Melayu (1876 – 1968)*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>62</sup> William R. Roff (1967), *Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad.

<sup>63</sup> Mark Emmanuel (2010), “Viewspapers: The Malay press of the 1930s”, *Journal of Southeast Asian Studies*, 41 (1), The National University of Singapore, pp. 1-20.

<sup>64</sup> Hamed Mohd Adnan (1998), *op.cit.*



oleh penerbit swasta tanpa menyentuh secara khusus mengenai islah. Melalui penerbitan swasta ini, ia telah menimbulkan beberapa persoalan kepada penulis dari segi perniagaan penerbitan majalah, terutamanya majalah agama yang suatu ketika dahulu sangat menguntungkan. Hasil penulisan, beliau hanya menerangkan mengenai kemunculan majalah-majalah yang menggunakan tema keagamaan tanpa adanya menyentuh mana-mana golongan yang terlibat di dalam menghasilkan majalah-majalah tersebut.

Manakala di dalam buku "*Penerbitan Majalah Di Malaysia: Isu-Isu Dan Cabaran*"<sup>65</sup> oleh Hamed Mohd Adnan yang diterbitkan oleh Karisma Publications Sendirian Berhad ini pula menyingkap profil secara ringkas mengenai penerbitan majalah Melayu abad ke-20 dengan memberi gambaran secara ringkas mengenai hasil penerbitan sesebuah majalah yang pernah diterbitkan di Malaysia ini. Begitu juga di dalam buku Hamed Mohd Adnan (2002) yang bertajuk "*Direktori Majalah-Majalah Melayu Sebelum Merdeka*"<sup>66</sup> hanya menyentuh secara umum mengenai sejarah penerbitan majalah dan akhbar Melayu di Malaysia dan sekadar memaparkan secara fizikal ciri-ciri akhbar dan majalah yang pernah diterbitkan oleh pihak penerbitan.

Kajian berkaitan akhbar dan majalah diteruskan lagi dengan "*Pengislahan Masyarakat Melayu: Perbincangan al-Imām (1906 – 1908)*"<sup>67</sup> yang diselenggarakan oleh Abdul Aziz Mat Ton. Di dalam kajian ini, tumpuan hanya diberikan kepada permasalahan masyarakat Melayu meliputi beberapa persoalan penting seperti hal-hal politik, alim ulama, permasalahan tarekat, hal-hal pelajaran dan pendidikan serta persoalan-persoalan umum mengenai orang-orang Melayu. Berdasarkan kajian ini,

---

<sup>65</sup> Hamed Mohd Adnan (2003), *Penerbitan Majalah Di Malaysia Isu-Isu Dan cabaran*, Karisma Publications Sdn. Bhd: Shah Alam.

<sup>66</sup> Hamed Mohd Adnan (2002), *Direktori Majalah-Majalah Melayu Sebelum Merdeka*, Universiti Malaya.

<sup>67</sup> Abdul Aziz Mat Ton (2006), *Pengislahan Masyarakat Melayu: Perbincangan al-Imam (1906 – 1908)*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

beliau mengelaskan permasalahan-permasalahan yang dibentangkan oleh *al-Imām* kepada beberapa persoalan seperti yang pengkaji terangkan di atas tanpa menyentuh mengenai sejarah percetakan dan aktiviti penulisan yang berlangsung di Singapura mahupun di Pulau Pinang.

Selain itu, Siti Rodziah Nyan juga telah menjalankan kajian terhadap sebuah akhbar dengan tajuk “*Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*”.<sup>68</sup> Di dalam kajian ini, beliau menjelaskan mengenai peranan Pulau Pinang sebagai pusat kemunculan akhbar Melayu selepas Singapura. Kemudian kajian dikembangkan lagi dengan memfokuskan kepada kemunculan akhbar *Saudara* dan memperkenalkan tokoh-tokoh penerbit yang terlibat secara langsung dalam menonjolkan *Saudara* sebagai sebuah majalah agama berunsur islah. Seterusnya kajian diteruskan dengan perbincangan kepada dua isu utama yang dibincangkan di dalam akhbar *Saudara* iaitu berkait isu-isu orang Melayu dalam aspek sosial dan kemunduran ekonomi Melayu. Oleh itu, Siti Rodziah Nyan hanya membincangkan mengenai akhbar *Saudara* semata-mata tanpa menyentuh mengenai akhbar atau majalah-majalah lain yang muncul sezaman dengannya.

Justeru itu, dari kajian-kajian lepas memang diakui telah banyak kajian mengenai perkembangan majalah dan islah dilakukan. Namun masih belum terdapat kajian khusus yang menyentuh mengenai *Majalah al-Islah* dan membuat kajian secara terperinci mengenai topik-topik yang dibincangkan sepertimana yang akan dilakukan oleh pengkaji. Di samping itu, buku-buku terbitan Mohd Hamed Mohd Adnan juga banyak membantu di dalam kajian ini bagi memahami dan mendapatkan gambaran yang jelas tentang perkembangan akhbar dan majalah di Malaysia. Begitu juga tidak ketinggalan bahan-bahan berkaitan gerakan islah di Malaysia yang berhubung rapat

---

<sup>68</sup> Siti Rodziah Nyan (2009), *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

dengan kemunculan akhbar-akhbar berbentuk islah, sedikit sebanyak membantu melengkapkan lagi kajian ini.

## **8. Metodologi Penyelidikan**

Metodologi merupakan sesuatu yang penting di dalam menjalankan kajian ilmiah dan ia merupakan suatu kaedah yang digunakan oleh penyelidik bagi memahami perkara-perkara yang menjadi fokus kajian. Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa jenis metodologi yang dapat membantu dalam kajian ini. Antara metode yang digunakan ialah metode pengumpulan data, kajian teks dan analisis data.

### **8.1 Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data merupakan suatu proses yang melibatkan bentuk perancangan dan pelaksanaan dalam mengutip data-data mengenai sejarah pemikiran islah yang dimuatkan di dalam *Majalah al-Islah* yang diperolehi dengan menggunakan beberapa kaedah yang sesuai bagi memperolehi maklumat yang sahih mengenai persoalan kajian. Selain itu, data-data tersebut digunakan dalam merangka dan menyusun fakta-fakta yang dikumpul untuk melalui proses analisis. Pengkaji menggunakan satu kaedah dalam proses pengumpulan data ini iaitu:

#### **i. Kajian Perpustakaan**

Kajian perpustakaan merupakan suatu kaedah di mana pengkaji akan mendapatkan data, maklumat dan bukti kajian melalui pengamatan ke atas kajian berbentuk dokumen. Kaedah ini melibatkan penggunaan data-data yang diperolehi dari majalah terutamanya *Majalah al-Islah* itu sendiri, buku, kertas kerja, risalah, surat khabar, latihan ilmiah dan sebagainya. Memandangkan kajian ini lebih bersifat sejarah, maka kajian perpustakaan menjadi sumber

rujukan utama bagi mengkaji mengenai sejarah perkembangan dan penerbitan akhbar dan majalah di Alam Melayu serta pemfokusan kepada ruangan *al-Islah*.

Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya menjadi tempat rujukan utama kerana didapati memiliki lebih lengkap koleksi simpanannya (BP 1 IS). Manakala di Perpustakaan Negara juga tersimpan koleksi majalah ini disimpan sebagai koleksi peribadi namun juga tidak begitu lengkap. Dan melalui temubual dengan anak beliau, Mujahid Haji Yusof Rawa pada 11 Oktober 2010 menyatakan beliau tidak pasti bahawa majalah tersebut masih mempunyai koleksi yang sempurna atau tidak kerana syarikat percetakan tersebut tidak ada yang menjaganya.<sup>69</sup>

## **ii. Metode Dokumentasi**

Metode dokumentasi pula digunakan bagi mencari bahan rujukan. Ianya merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dengan cara mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan dengan skop kajian bagi mendapatkan hasil kajian yang dikehendaki. Untuk memperoleh data-data yang kompleks, *Majalah al-Islah* menjadi sumber rujukan utama (sumber primer) yang boleh diperolehi secara agak lengkap di Perpustakaan Peringatan Za'ba sebanyak empat Xjilid di dalam simpanan Jurnal Malaysianan. Jilid pertama sebanyak 24 bilangan, jilid kedua, 24 bilangan dan jilid empat sebanyak 15 keluaran yang ditemui.

## **iii. Metode Temubual**

Metode temubual digunakan untuk mendapatkan data-data yang tidak ditemui di dalam bentuk dokumentasi. Pertama, pengkaji menemubual Dr. Mujahid Yusof Rawa anak kepada Tuan Haji Yusof Rawa sebagai rujukan utama. Beberapa

---

<sup>69</sup> Temubual antara pengkaji dengan Dr. Muhajid Haji Yusof Rawa pada 11 Oktober 2010 jam 12.00 tengahari.

kali telah pengkaji hubungi untuk mendapatkan maklumat dan mengesahkan data-data yang diperoleh. Selain itu, terdapat juga beberapa temubual dengan Haris Zuan orang yang bertanggungjawab dalam menguruskan *Forum Nusantara Siri 3, Legasi Kepimpinan dan Pemikiran Yusof Rawa: Dari Lebuh Aceh ke Seluruh Nusantara* yang berlangsung pada 9 Februari 2012. Melalui perbualan dengannya, beliau mencadangkan beberapa nama agar dapat pengkaji hubungi selain dari Dr. Mujahid Yusof Rawa sendiri.<sup>70</sup>

Antaranya ialah Subky Latif<sup>71</sup> yang bukan sahaja rapat dengan Tuan Haji Yusof Rawa tetapi juga memahami sikap politiknya juga, Hj. Mohd Hashim<sup>72</sup> atau lebih dikenali sebagai Ibnu Hasyim yang dapat menghuraikan sikap Tuan Haji Yusof Rawa dengan baik mengapa sikap politik Yusof Rawa lebih progresif berbanding tokoh PAS yang lain. Faktor kelahiran dan persekitaran, negeri Pulau Pinang, kota yang kosmopolitan dan terdedah dengan kerencaman idea, berbanding dengan kebanyakan tokoh PAS yang lain banyak lahir di Kelantan, Terengganu, dan Kedah mempengaruhi pemikiran beliau. Begitu juga, berkenaan dengan kajian *Majalah Islah*, berhubung dengan Sasterawan Negara Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh dan Dr. Jelani Harun. Dr. Muhammad Hj Salleh banyak mengkaji perkembangan penerbitan di Pulau Pinang.

---

<sup>70</sup> Dr. Mujahid Yusof Rawa merupakan Ahli Parlimen Parit Buntar, Negeri Perak dari PAS dan merupakan anak kepada Mursyidul Am PAS yang pertama iaitu Allahyarham Tuan Guru Yusof Rawa. [muzu2love@yahoo.com](mailto:muzu2love@yahoo.com).

<sup>71</sup> Subky Abdul Latif (lahir 28 Julai 1940 di Sitiawan, Perak) adalah seorang pengarang dan wartawan di Malaysia. Beliau kemudian menjadi pengasas beberapa buah akhbar yang ditarik permit penerbitannya seperti *Suara Rakyat*, *Suara Merdeka* dan *Harian Watan*. Paling akhir turut mengasaskan *Harakah*. [subkylatif@gmail.com](mailto:subkylatif@gmail.com).

<sup>72</sup> Pernah menulis di beberapa akhbar tempatan. Mantan Pengarang *Majalah al-Ummah* dan pernah menghasilkan beberapa buah buku politik, sejarah dan agama antaranya 1950-2000: “Sejarah Kebangkitan & Masa Depan PAS Kuasai Malaysia”, “Analisis Politik Pulau Pinang” dan “Pemikiran Fadzil Mohd Noor.” Beliau boleh dihubungi melalui blognya <http://www.ibnuhasyim.com> dan [ibnuhasyim@gmail.com](mailto:ibnuhasyim@gmail.com).

#### **iv. Kajian Sejarah**

Di dalam bahagian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian bagi mengetahui mengenai latar belakang penulisan dan ekonomi penerbitan akhbar dan majalah di Alam Melayu yang muncul sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Sebagai pendahuluan, pengkaji perlu untuk mengetahui terlebih dahulu mengenai perkembangan Islam yang mempengaruhi pemikiran masyarakat setempat. Selain itu, pengkaji juga perlu menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan dan memperoleh sejarah perkembangan islah yang mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu.

Metode historik juga digunakan oleh pengkaji di dalam bab satu dan dua bagi tujuan mengetahui mengenai latar belakang kajian sesebuah penerbitan majalah dan sejarah pemikiran islah. Begitu juga di dalam bab seterusnya, metode ini turut digunakan bagi mengkaji beberapa bentuk penulisan yang dipilih oleh editor untuk mengisi ruangan *Majalah al-Islah*.

### **8.2 Kajian Teks**

Bagi kajian berdasarkan teks pula, pengkaji akan mengkaji dari segi isi kandungan majalah itu sendiri, isu-isu yang dibangkitkan oleh tokoh-tokoh pemikiran islah dan kecenderungan mereka dalam mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu.

### **8.3 Analisis Data**

#### **i. Metode Induktif**

Metode induktif ialah salah satu cara untuk menghuraikan sesuatu masalah dengan lebih terperinci. Data-data yang bersifat umum akan dihuraikan dan dijelaskan secara khusus bagi mendapatkan kajian yang sahih. Dalam

kaedah ini, pengkaji terlebih dahulu mengetahui isi kandungan keseluruhan jalan cerita dan seterusnya menjalankan analisis bagi membolehkan sebarang kritikan dalaman dan luaran dilakukan.

Analisis data ini dilakukan berdasarkan kepada lima buah tema yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu tema pendidikan, politik, ekonomi, sosial dan perundangan. Pengkaji memilih tema-tema ini adalah dengan alasan, tema ini menjadi isu yang amat gemar dibincangkan oleh khalayak umum dalam memberi teguran dan kritikan terhadap isu pembangunan selepas merdeka. Ramai di kalangan ahli politik dan akademik yang memperkatakan Islam dalam lima isu yang dinyatakan di atas tadi. Oleh yang demikian, perkembangan di tahun 70-an menyaksikan kepada umum bahawa, tema-tema seperti itu sering menjadi perdebatan di dalam *al-Islah* dan beberapa buah penerbitan lain bagi menyahut gema kebangkitan semula Islam di seluruh dunia Islam.

Di samping itu, pengkaji menggunakan beberapa sample artikel *Majalah al-Islah* untuk dianalisis bagi melihat sejauhmana pendekatan dan idea-idea tokoh-tokoh intelektual Melayu Islam ke arah memberi pemahaman kepada masyarakat Melayu pada tahun 70-an. Dan artikel-artikel ini juga dipilih berdasarkan kepada tema pendidikan, politik, perundangan, ekonomi dan sosio-budaya. Dengan keterbatasan masa, kemampuan dan tenaga, tema-tema ini sahaja yang akan dibincangkan di dalam kajian ini.

## 9. Sistematika Penulisan

Kajian ini mengandungi beberapa bahagian iaitu dimulai dengan bahagian pendahuluan, teks dan suplementari. Bahagian pendahuluan ini mengandungi dedikasi, abstrak, penghargaan, senarai lampiran, senarai kependekan, senarai transliterasi dan isi kandungan.

Bahagian teks pula dibahagikan kepada lima bab. Bahagian awal membincangkan mengenai latar belakang masalah, pengertian tentang tajuk kajian, perumusan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan perpustakaan, metodologi kajian dan sistematika kajian.

Di dalam bab dua, pengkaji akan mengkaji sejarah perkembangan gerakan islah di Malaysia. Bahagian ini pengkaji akan menerangkan secara ringkas mengenai sumbangan islah serta pengaruh Timur Tengah dan India dalam menyuburkan semangat islah di Malaysia. Selain itu akan disentuh juga secara terperinci mengenai pergerakan islah di Negeri-Negeri Bersekutu dan Tidak Bersekutu bagi melihat perjalanan dan penerimaan masyarakat terhadap perkembangan islah ini. Dan topik seterusnya akan diperkenalkan Tuan Haji Yusof Rawa sebagai salah seorang tokoh islah dan penerbit kepada majalah ini.

Di dalam bab seterusnya, pengkaji akan membincangkan mengenai sejarah perkembangan penerbitan akhbar dan majalah di Alam Melayu khususnya majalah agama. Di mana pengkaji akan membincangkan mengenai perkembangan akhbar dan majalah, dan cabaran semasa yang terpaksa dihadapi oleh sesebuah penerbitan. Kemudian dilanjutkan pula dengan perkembangan *Majalah al-Islah* dari jilid ke jilid.



Manakala bab keempat akan dikupas secara lanjut mengenai isu-isu penting yang dimuatkan di dalam ruangan majalah berkenaan. Di sini penulis akan mengupas idea-idea pembaharuan yang terdapat di dalam *Majalah al-Islah* meliputi aspek pendidikan, politik, perundangan, ekonomi dan sosial yang dilontarkan oleh pengarang-pengarang *al-Islah*.

Bab kelima, iaitu bab akhir adalah bab kesimpulan keseluruhan bab dengan memberikan komentar, saranan dan cadangan yang dianggap relevan dan bernas bagi memantap dan mengembangkan lagi ekonomi penerbitan akhbar dan majalah di samping merungkai pemikiran tokoh-tokoh islah yang terdapat di Alam Melayu.